

29/08/2005

KLIA-MASA DEPAN

KLIA DIBINA UNTUK SEDIAKAN KEPERLUAN MASA DEPAN

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang menggantikan Lapangan Terbang Subang sebagai lapangan terbang antarabangsa dibina untuk menyediakan kepada keperluan di masa depan, kata bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dibina pada 1964, beliau berkata Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang, direka bentuk untuk mengendalikan hanya 400,000 penumpang setahun.

Pertumbuhan dalam trafik penerbangan udara berkembang dengan begitu pesat sehingga pada tahun 1998 Lapangan Terbang Subang mengendalikan 14 juta penumpang dengan hanya satu landasan, katanya.

"Jelas mereka yang mereka bentuk Lapangan Terbang Subang tidak membayangkan potensi pertumbuhan penumpang yang menggunakan perkhidmatan udara," katanya.

Oleh itu rancangan kemudiannya adalah untuk membina satu lagi lapangan terbang antarabangsa yang lebih besar bagi mengelak berdepan dengan masalah yang sama dalam tempoh 20 hingga 30 tahun akan datang, katanya.

Beroperasi pada 30 Jun, 1998, KLIA, yang menelan kos kira-kira RM9 bilion, merupakan satu daripada lapangan terbang paling moden dan canggih di rantau Asia Pasifik.

KLIA, katanya, direka bentuk untuk mengendalikan 120 juta penumpang setahun.

"(Jadi) kita bina KLIA yang kecil dan ketika jumlah penumpang meningkat (kepada 120 juta), saya dah tak ada lagi di dunia ini. Tetapi saya perlu memikirkan mereka yang masih lagi hidup untuk tempoh 30 tahun dari sekarang," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata demikian semasa ditanya mengenai "Pemikirannya" di sebalik pembinaan KLIA ketika sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapan bertajuk: "The Thinking of a Thinker." (Pemikiran seorang Pemikir) yang dianjurkan oleh Universiti Islam Antarabangsa.

Beliau berkata lapangan terbang lama tidak boleh berkembang berikutan kapasiti dan ruang yang terhad.

Dengan mengambil contoh lapangan terbang Heathrow di London, beliau berkata pihak berkuasa mengambil masa selama 14 tahun untuk membina terminal kelima kerana mendapat bantahan daripada mereka yang tinggal berdekatan lapangan terbang tersebut, "mereka tak mahu dengar bunyi bising pesawat tetapi apabila mereka mahu melakukan perjalanan mereka mahu berada dekat dengan lapangan terbang."

KLIA dibina selepas mengambil kira semua faktor-faktor ini.

Pada akhir 2004, KLIA telahpun mengendalikan 21 juta penumpang dan dalam tempoh lima tahun lagi ia dijangka mengendalikan 25 juta penumpang.

Sekiranya KLIA direka bentuk untuk hanya 25 juta penumpang, 10 tahun akan datang ia akan berdepan dengan masalah yang sama seperti Lapangan Terbang Subang lama, katanya.

"Lima tahun lagi apabila KLIA dijangka mengendalikan 25 juta penumpang, satu terminal, satu satelit dan dua landasan tidak akan mencukupi.

"Anda perlu menambah lagi satelit. Dalam perancangan kami, kami mempunyai empat satelit dan lima landasan agar kami boleh mengendalikan 129 juta penumpang," katanya.

Beliau menyebut contoh bandar-bandar yang dibangunkan di Eropah dibina untuk keperluan masa depan.

"Mereka mahu bangunan-bangunan itu bertahan sehingga tempoh 100, 200

dan 300 tahun. Oleh itu, apa yang kita bina sekarang bukan hanya untuk kita tetapi juga untuk generasi akan datang," katanya.

"Sama juga dengan rumah Perdana Menteri di Putrajaya, ia dibina bagi perdana-perdana menteri di masa depan, bukan untuk saya. Kami berharap ia akan bertahan hingga banyak generasi perdana menteri," katanya. -- BERNAMA  
SM KTC ZK